

Covid-19:

Atasi Halangan Penjagaan Kesihatan Bagi Pekerja Asing

KRI VIEWS 15/20 | 27 Mac 2020 | Jarud Romadan Khalidi dan Nazihah Muhamad Noor

Views adalah rencana yang diterbitkan bagi menggalakkan perbincangan dan pertukaran pandangan tentang isu-isu semasa. Ia adalah pendapat penulis dan tidak semestinya mewakili pendirian rasmi KRI.

Rencana ini ditulis oleh Jarud Romadan Khalidi dan Nazihah Muhamad Noor, penyelidik di Khazanah Research Institute (KRI). Penulis berterima kasih di atas komen daripada Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim.

Alamat e-mel penulis:
jarud.khalidi@krinstitute.org
nazihah.noor@krinstitute.org

Atribusi – Sila rujuk karya ini seperti yang berikut: Jarud Romadan Khalidi & Nazihah Muhamad Noor. 2020. Covid-19: Atasi Halangan Penjagaan Kesihatan Bagi Pekerja Asing. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0

Penterjemahan – Jika anda menterjemah karya ini, sila sertakan penaflan berikut bersama-sama atribusi: Terjemahan ini tidak dihasilkan oleh Khazanah Research Institute dan tidak boleh dianggap sebagai terjemahan rasmi Khazanah Research Institute. Khazanah Research Institute tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kandungan atau kesilapan dalam terjemahan ini.

Maklumat tentang kajian Khazanah Research Institute dan penerbitan dalam bentuk digital boleh didapati di www.KRInstitute.org.



Pengenalan

Pekerja asing, terutama yang tidak mempunyai dokumen yang sah, antara golongan yang berisiko tinggi dijangkiti koronavirus (Covid-19). Kebanyakan mereka terpaksa tinggal sebumbung dalam keadaan sempit dan kekurangan sanitasi asas termasuk air bersih dan sabun. Mengawal Covid-19 dalam kumpulan ini adalah penting untuk membendung penularan penyakit tersebut di Malaysia. Oleh itu, kerajaan harus terus memberi saringan Covid-19 secara percuma kepada semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kewarganegaraan, demi kesihatan awam.

Pekerja asing di Malaysia

Laporan Survei Tenaga Buruh 2018 mencatatkan sebanyak 2.2 juta pekerja asing yang merangkumi hampir 15% daripada keseluruhan tenaga kerja di

Malaysia¹. Walaubagaimanapun, angka ini berkemungkinan lebih besar memandangkan survei itu tidak mengambil kira individu yang tinggal di dalam rumah komunal². Sumber lain menganggarkan jumlahnya adalah antara 4 juta³ hingga 7 juta⁴ dengan kebanyakannya merupakan pekerja asing tanpa dokumen^{5,6}. Bilangan pekerja asing agak besar, justeru itu mengabaikan kebajikan golongan ini bermaksud mengabaikan sebahagian besar penduduk Malaysia.

Halangan kepada penjagaan kesihatan

Kos seringkali merupakan halangan kepada akses penjagaan kesihatan. Laporan kajian tingkah laku kesihatan pekerja asing dari Bangladesh menunjukkan bahawa tiada insurans perubatan dan kos perubatan yang mahal adalah antara sebab-sebab utama pekerja asing mengelak daripada mendapatkan rawatan perubatan⁷. Untuk mengatasi kebimbangan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 29 Januari telah mengumumkan bahawa warga asing yang disyaki dijangkiti dengan Covid-19 atau merupakan kontak pesakit Covid-19 dikecualikan daripada fi pesakit luar yang berkaitan termasuk pendaftaran, pemeriksaan, rawatan dan wad di hospital KKM⁸.

Sebaliknya, Perdana Menteri pada 23 Mac mengumumkan bahawa warga asing akan dikenakan fi untuk rawatan Covid-19, bertentangan dengan dasar KKM yang diumumkan sebelumnya⁹. Walaupun kenyataan ini telah disangkal oleh Ketua Pengarah Kesihatan yang menekankan (sekali lagi) bahawa tiada bayaran dikenakan¹⁰, kenyataan-kenyataan yang bercanggah ini boleh mengelirukan pekerja asing dan menyebabkan mereka terus mengelak daripada mendapat penjagaan kesihatan, khususnya berkaitan Covid-19.

Satu lagi halangan adalah kebimbangan dalam kalangan pekerja asing bahawa mereka akan didakwa jika didapati tidak mempunyai dokumen yang sah. Kebimbangan ini dilihat berasas mengikut dasar sebelum pandemik ini; menurut satu laporan oleh Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) semasa lawatannya ke Malaysia pada tahun 2014, terdapat kaunter imigresen di hospital awam yang membawa warga asing tanpa dokumen kepada pihak polis semasa mendapatkan rawatan perubatan¹¹.

¹ DOS (2019a)

² KRI (2018)

³ Malay Mail (2016)

⁴ Utusan Malaysia (2015)

⁵ Rencana ini membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh pekerja asing sahaja, tetapi isu-isu ini berkemungkinan besar serupa untuk pencari suaka dan pelarian di Malaysia.

⁶ The Borneo Post (2017), Embun (2017), Malay Mail (2016), Utusan Malaysia (2015), Lee et al. (2018)

⁷ Karim et al. (2015)

⁸ MOH (2020)

⁹ CodeBlue (2020)

¹⁰ Tee (2020)

¹¹ Pūras (2014)

Dari perspektif kesihatan awam, dasar ini membahayakan kerana akan menyebabkan pekerja asing mengelak daripada mendapatkan rawatan, seterusnya berpotensi untuk menyebarkan penyakit berjangkit kepada individu lain¹².

Bagi menangani masalah ini, Menteri Pertahanan telah memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menangkap mana-mana pekerja asing tanpa dokumen yang hadir mendapatkan rawatan¹³. Walaubagaimanapun, mesej tersebut mungkin tidak jelas kerana 4,000 jemaah tabligh yang terdiri daripada warga asing masih belum mendapatkan ujian saringan Covid-19¹⁴. Berdasarkan sejarah layanan terhadap pekerja asing tanpa dokumen, reaksi ini mungkin tidak mengejutkan.

Halangan lain adalah masalah bahasa termasuk kesukaran untuk berkomunikasi antara pekerja asing dengan pegawai perubatan^{15,16}. Pekerja asing juga menghadapi cabaran dalam mengakses maklumat terkini mengenai pandemik ini dalam bahasa yang boleh mereka fahami. Justeru itu, capaian kepada maklumat penting yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa adalah sukar.

Memandangkan ramai pekerja asing yang bergantung kepada upah harian, ramai yang akan terus bekerja berbanding mengambil cuti untuk membuat pemeriksaan dan rawatan. Secara amnya, gaji dan upah pekerja asing adalah rendah. Laporan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa sebahagian besar pekerja asing bekerja di sektor pekerjaan berkemahiran rendah, contohnya 45.4% daripada pekerja pekerjaan asas adalah warga asing. Pekerjaan asas adalah merupakan pekerjaan yang memberi gaji dan upah yang paling rendah mengikut Laporan Survei Gaji dan Upah 2018 dengan pekerja menerima, secara purata, RM1,648 sebulan¹⁷. Bagi pekerja asing, penting untuk mereka terus bekerja kerana mereka merupakan sumber pendapatan utama bagi keluarga di negara asal mereka¹⁸.

Langkah yang boleh diambil

Usaha terkini oleh kerajaan menunjukkan inisiatif untuk membantu pekerja asing. Namun begitu, lebih banyak harus dilakukan. Kerajaan perlu melibatkan majikan, kedutaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyebarkan mesej-mesej penting berkenaan Covid-19 bagi memastikan pekerja asing tahu langkah-langkah untuk melindungi diri mereka dan orang awam. Sebagai contoh, Akademi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Awam di New York, satu organisasi kesihatan yang membantu warga asing memenuhi keperluan kesihatan, menghubungi pelanggan mereka melalui WeChat. Untuk memastikan maklumat yang dihantar jelas, organisasi ini menterjemah semua mesej dalam bahasa yang difahami¹⁹.

Ini hanya beberapa faktor yang penting dalam menangani isu akses kepada penjagaan kesihatan. Terdapat faktor-faktor lain yang harus diambil kira dalam isu kesihatan. Pekerja asing sering

¹² Ibid.

¹³ Razak (2020)

¹⁴ Daim (2020)

¹⁵ Loganathan et al. (2019)

¹⁶ Karim et al. (2015)

¹⁷ DOS (2019b)

¹⁸ Loganathan et al. (2019)

¹⁹ Kim (2020)

tinggal dalam keadaan sempit dan kekurangan sanitasi asas²⁰. Dalam erti kata lain, mereka tidak dapat memenuhi keperluan asas untuk melindungi diri mereka dari Covid-19 termasuk batasan fizikal (*physical distancing*) dan membasuh tangan dengan air dan sabun²¹.

Selain itu, impak kepada ekonomi juga akan menjelaskan pekerjaan dan kebajikan pekerja asing, terutamanya yang tidak mempunyai dokumen yang sah, kerana mereka tidak mempunyai cuti sakit berbayar dan tidak dilindungi oleh mana-mana skim perlindungan keselamatan sosial²². Pertubuhan Buruh Antarabangsa juga menyatakan bahawa sekatan perjalanan akan menghalang pekerja asing untuk pergi bekerja, lalu menjelaskan sumber pendapatan mereka²³. Akses kepada penjagaan kesihatan adalah penting, tetapi cabaran-cabaran lain ini juga harus ditangani.

Penutup

Michelle Bachelet, Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia menyatakan bahawa untuk menentang Covid-19, kita perlu memastikan bahawa semua orang mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan²⁴. Halangan kepada rawatan yang dihadapi oleh pekerja asing bukan sahaja membahayakan golongan tersebut, tetapi berkemungkinan besar memudaratkan rakyat dan negara keseluruhannya. Penganiayaan pekerja asing di Malaysia menunjukkan bahawa kita tidak menghargai sumbangan golongan tersebut kepada ekonomi dan masyarakat²⁵. Menjaga Malaysia adalah untuk menjaga semua penduduknya. Wabak tidak mendiskriminasi, jadi mengapa harus kita?

Rujukan

- Bedi, Rashvinjeet S. 2020. *Ngo: Include Undocumented Migrant Workers and Refugees in Covid-19 Response Plan*. The Star. <https://www.thestar.com.my/news/focus/2020/03/22/ngo-include-undocumented-migrant-workers-and-refugees-in-covid-19-response-plan>.
- CodeBlue. 2020. *Health Dg Says Free Covid-19 Tests, Treatment for Foreigners, after Pm Says Payments Required*. CodeBlue. <https://codeblue.galencentre.org/2020/03/23/health-dg-says-free-covid-19-tests-treatment-for-foreigners-after-pm-says-payments-required/>.
- Daim, Nuradzimmah. 2020. *Health Ministry Working with Unhcr to Track Refugees Who Attended Tabligh Event*. New Straits Times. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/576803/health-ministry-working-unhcr-track-refugees-who-attended-tabligh-event>.
- DOS. 2019a. *2018 Labour Force Survey Report*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.
- DOS. 2019b. *2018 Salaries and Wages Survey Report*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia.

²⁰ Bedi (2020)

²¹ WHO (2020)

²² ILO (2020), Loganathan et al. (2019)

²³ ILO (2020)

²⁴ OHCHR (2020)

²⁵ Rujuk Bab 2 KRI (2018).

- Embun, Shahbudin. 2017. *Cari Formula Tangani Isu Pekerja Asing*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/node/230454>.
- ILO. 2020. *Covid-19 and World of Work: Impacts and Responses*. Geneva: International Labor Organization. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---dcomm/documents/briefingnote/wcms_738753.pdf.
- Karim, A. H. M. Zehadul et al. 2015. *Health Seeking Behavior of the Bangladeshi Migrant Workers in Malaysia: Some Suggestive Recommendations in Adjuvative Context*. Asian Social Science 11 (10). <https://doi.org/10.5539/ass.v11n10p348>.
- Kim, Catherine. 2020. *Low-Income Immigrants Are Afraid to Seek Health Care Amid the Covid-19 Pandemic*. Vox. <https://www.vox.com/identities/2020/3/13/21173897/coronavirus-low-income-immigrants>.
- KRI. 2018. *The State of Households: Different Realities*. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- Lee, Esther et al. 2018. *Cover Story: Do We Need So Many Foreign Workers?* The Edge Malaysia. <https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-do-we-need-so-many-foreign-workers>.
- Loganathan, Tharani et al. 2019. *Breaking Down the Barriers: Understanding Migrant Workers' Access to Healthcare in Malaysia*. PloS one 14 (7).
- Malay Mail. 2016. *Foreign Labour Affected by Ringgit Drop, Says Report*. Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2016/12/02/foreign-labour-fleeing-malaysia-amid-ringgit-slump-says-report/1263059>.
- MOH. 2020. "Pengecualian Caj Perubatan Kepada Pesakit Warga Asing Yang Disyaki / Dijangkiti 2019 Ncov Serta Kontak Kepada Pesakit Yang Disyaki Dan Disahkan Dijangkiti 2019 Ncov." Ministry of Health Malaysia. http://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view_page/31/375.
- OHCHR. 2020. "Coronavirus: Human Rights Need to Be Front and Centre in Response, Says Bachelet." United Nations Human Rights Office of the High Commissioner. <https://www.ohchr.org/EN/NewsEvents/Pages/DisplayNews.aspx?NewsID=25668&LangID=E>.
- Pūras, Dainius. 2014. "Preliminary Observations and Recommendations by the UN Special Rapporteur on the Right of Everyone to the Enjoyment of the Highest Attainable Standard of Physical and Mental Health, Country Visit to Malaysia, 19 November-2 December 2014." Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights. <http://www.ohchr.org/EN/NewsEvents/Pages/DisplayNews.aspx?NewsID=15370&LangID=E>.
- Razak, Radzi. 2020. *Come Forward So We Can Take Care of You, Putrajaya Says as 4,000 Tabligh Event Attendees Still Untested*. Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/22/come-forward-so-we-can-take-care-of-you-putrajaya-tells-tabligh-event-atten/1848976>.
- Tee, Kenneth. 2020. *Health D-G Clarifies Covid-19 Tests for Foreigners at Govt Outlets Free, Despite Pm's Remark Otherwise*. MalayMail.

[https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/23/health-d-g-clarifies-covid-19-tests-for-foreigners-at-govt-outlets-free-des/1849393.](https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/23/health-d-g-clarifies-covid-19-tests-for-foreigners-at-govt-outlets-free-des/1849393)

The Borneo Post. 2017. *Overview of the Foreign Worker Situation*. The Borneo Post. [https://www.pressreader.com/malaysia/the-borneo-post-sabah/20170213/282402694133264.](https://www.pressreader.com/malaysia/the-borneo-post-sabah/20170213/282402694133264)

Utusan Malaysia. 2015. *7 Juta Pekerja Asing Di Malaysia*. Utusan Malaysia. [http://www.utusan.com.my/berita/nasional/7-juta-pekerja-asing-di-malaysia-1.108348.](http://www.utusan.com.my/berita/nasional/7-juta-pekerja-asing-di-malaysia-1.108348)

WHO. 2020. "Coronavirus Disease (Covid-19) Advice for the Public." [https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public.](https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public)